



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PERTINDIHAN HARI KELEPASAN AM AWAL MUHARAM DAN HARI ULANG TAHUN PERISYTIHARAN TAPAK WARISAN DUNIA

Awal Muharam telah diisytiharkan sebagai salah satu Cuti Kelepasan Am 2024 yang jatuh pada 7 Julai 2024 (Ahad). Manakala Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengisytiharkan Hari Ulang Tahun Perisytiharan Tapak Warisan Dunia pada tarikh yang sama. Oleh yang demikian, mana-mana majikan sektor swasta yang menetapkan hari Ahad sebagai hari rehat pekerja dan memilih cuti Awal Muharam sebagai hari kelepasan am hendaklah menggantikan cuti Awal Muharam tersebut pada hari Isnin, 8 Julai 2024 sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 60D(1) Akta Kerja 1955.

Manakala bagi majikan sektor swasta yang beroperasi di Pulau Pinang dan memilih kedua-dua cuti berkenaan sebagai cuti kelepasan am syarikat (cuti Awal Muharam dan Hari Ulang Tahun Perisytiharan Tapak Warisan Dunia) hendaklah menggantikan cuti-cuti tersebut pada hari Isnin (8 Julai 2024) dan Selasa (9 Julai 2024).

Walau bagaimanapun, majikan boleh atas persetujuan pekerja untuk menggantikan kedua-dua cuti tersebut pada hari lain sebagaimana peruntukan seksyen 60D(1A) Akta Kerja 1955.

**JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
5 JULAI 2024**